

11 MAR 2004

Pilihan raya-Pembangkang (Kedah)

NASHARUDDIN TAK BERTANDING DI KEDAH

ALOR STAR, 11 Mac (Bernama) -- Pas dan Keadilan hari ini mengumumkan senarai calon mereka di Kedah yang menyaksikan 23 muka baru tetapi tidak menamakan Setiausaha Agung Pas Nasharuddin Mat Isa bagi mempertahankan kerusi parlimennya.

"Oleh kerana beliau popular, kami hantar beliau ke tempat lain," kata Pesuruhjaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak, ketika ditanya mengenai Nasharuddin yang sebelum ini Anggota Parlimen Yan. Kawasan itu kini dinamakan Jerai.

Pada sidang berita bersama naib presiden Parti Keadilan Nasional, Saifuddin Nasution Ismail, beliau enggan memberitahu di mana Nasharuddin akan bertanding.

Pada pilihan raya umum kali ini, Pas akan bertanding di 27 kawasan Dewan Undangan Negeri dan 10 Parlimen manakala Keadilan akan bertanding merebut sembilan kerusi negeri dan lima Parlimen. Kedah mempunyai 15 kerusi Parlimen dan 36 kerusi negeri.

Azizan berkata 13 daripada calon Pas adalah muka baru termasuk dua calon wanita terdiri Dr Rohani Abdul Mutalib, seorang doktor perubatan bagi kerusi negeri Jitra, dan bekas guru, Aishah Ghazali di kawasan negeri Merbau Pulas.

Dua lagi muka baru ialah Mohd Afif Abdullah, 28, seorang peguam, yang akan bertanding bagi kerusi negeri Guar Chempedak, dan pensyarah Universiti Utara Malaysia yang bersara hari ini, Dr Abd Isa Ismail, 56, yang akan bertanding bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu, kawasan yang sekian lamanya diwakili oleh bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Saifuddin pula berkata beliau tidak akan mempertahankan kerusi negeri Lunas tetapi akan bertanding di Kubang Rotan dan di kawasan Parlimen Padang Serai manakala seorang lagi naib presiden parti itu, Tian Chua, akan bertanding di Lunas.

Antara muka baru yang disenaraikan oleh Keadilan ialah Saiful Izham Ramli, seorang daripada peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang akan bertanding di kawasan Parlimen Merbok.

-- BERNAMA

SN MAN MAI